

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA (KETEREH)**

SOALAN : NO. 47

Minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang dirangka bagi memastikan tahap keharmonian dan kesepaduan sosial sesama kaum di negara ini terus dipupuk dan keharmonian antara masyarakat sentiasa dipelihara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa mengingatkan rakyat berbilang kaum supaya bersama-sama berusaha mengekalkan keamanan dan keharmonian sosial yang telah dinikmati sejak kemerdekaan bukan sahaja untuk diwariskan kepada generasi akan datang tetapi menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus disegani di persada dunia. Usaha mengekalkan keamanan serta keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum perlulah bermula dengan memupuk persefahaman yang lebih baik di antara satu sama lain.

Demi kelangsungan keharmonian dan kesepaduan sosial masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, JPNIN telah, sedang dan akan terus melaksanakan langkah-langkah berikut:

- a) Menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan pelaksanaan program-program yang spesifik dan konkrit untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- b) **Memperkasakan kepimpinan 7,844 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara** agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- c) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan ***World Interfaith Harmony Week***, **International Day for Tolerance**, **International Day for Peace**, **Dialog Harmoni** dan lain-lain.
- d) Menggalakkan percambahan idea dan usaha membina visi negara untuk 30 tahun akan datang melalui Transformasi Nasional 50 (TN50) di kalangan golongan muda melalui **wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum**.
- e) Menyelesaikan isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di

peringkat akar umbi melalui khidmat 1,028 orang **Mediator Komuniti di seluruh negara.**

- f) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara** kepada 6,218 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 150 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- g) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera **melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).**
- h) Menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan **kanak-kanak prasekolah di 1,781 Tabika Perpaduan** di seluruh negara agar mereka sama-sama memahami dan menghayati nilai dan etika sejak dari kecil lagi.
- i) **Menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian** melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- j) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Ekoran dari ini, saya suka memetik kata-kata YAB Perdana Menteri pada **Majlis Jamuan Perdana Keamanan dan Keharmonian anjuran *Christian For Peace And Harmony Malaysia (CPHM)*** di Kuala Lumpur pada 20 Februari 2017 iaitu **“Kita telah banyak diuji sebelum ini, tetapi kesepaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum yang kuat, membantu kita melepasi setiap cabaran. Keamanan dan keharmonian tidak datang dengan sendirinya, tetapi daripada kerja keras untuk melahirkannya”**

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri